

Kolej komuniti angkat martabat Kadazandusun Murut

Idea penubuhan setahun lalu beri peluang masyarakat mantapkan budaya, pendidikan

B/H 17/6/12 MS 17.

AHAD lalu, masyarakat Kadazandusun Murut menyoal satu lagi pencapaian penting apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak merasmikan majlis pecah tanah bagi Kolej Komuniti Kadazandusun dan Murut (KDM) di Dataran Pisompuruan, Tambunan, Sabah.

Kolej di Kampung Kaingaran itu dijangka memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan lagi warisan budaya dan pendidikan masyarakat Kadazandusun Murut.

Jika diimbas semula, mungkin tidak pernah terlintas dalam fikiran sesiapa pun cadangan institusi pendidikan itu menjadi realiti, apalagi tidak sampai setahun ia diturunkan.

Ketika pelancaran Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Kadazandusun Murut Sabah (PEKADIN) pada 15 Mei 2011 lalu di Kota Marudu, idea bagi penubuhan kolej itu pertama kali dibangkitkan.

Namun, sesuatu yang tidak dijangka, lapan hari kemudian Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan yang juga pemimpin agung (Huguan Siou) masyarakat Kadazandusun Murut, menimbang idea itu dengan serius mengumumkan bahawa kolej masyarakat itu akan dibina di Kaingaran.

Juga terima kasih kepada kerajaan negeri Sabah di bawah kepimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman yang bersetuju untuk membantu dalam penubuhan kolej itu sementara Kerajaan



Persekutuan pula memberikan kelulusan segera.

Sejak mula lagi penduduk Sabah termasuk pemimpin masyarakat – Presiden Pertubuhan Pasokmomon Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Tan Sri Bernard Dompok; Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRBS), Tan Sri Joseph Kurup; Timbalan Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Eric Mojimbun, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyatakan sokongan penuh kepada kolej berkenaan.

“Apa yang menjadi impian suatu

ketika dulu kini bertukar realiti. Ini adalah berita baik bagi penduduk Sabah, khususnya masyarakat Kadazandusun-Murut,” kata Timbalan Presiden PEKADIN, Nailin Gabintal.

Beliau berharap kolej itu memulakan pengajian secepat mungkin di premis yang disewa di Donggongan sementara menunggu kampus kekal di Tambunan siap.

“Jika boleh, buat permulaan kolej itu menumpukan kepada kursus seperti sijil/diploma dalam ekopeplancongan, peruncitan, dan kajian perniagaan serta undang-undang

adat,” katanya.

Dalam menyambut baik cadangan kolej itu, Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Jannie Lasimbang berharap ia menyediakan peluang bagi kanak-kanak peribumi di negeri ini, khususnya mereka yang miskin, untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

Aktivis NGO dan wartawan, Kanul Gindol, berkata masyarakat Kadazandusun harus memberi sokongan kepada kolej itu dalam apa jua cara yang mungkin.

“Saya berharap mereka yang memulakan kolej ini akan bertindak pragmatik dan kreatif dalam menentukan kursus paling relevan serta pragmatik untuk ditawarkan dalam memastikan pelajar terus cemerlang walaupun selepas lulus daripada kolej berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Naib Presiden PBRBS, Cyril Yansalang melihat penubuhan kolej berkenaan sebagai tepat pada masa dan antara cara untuk memantapkan budaya dan pendidikan masyarakat Kadazan Murut.

Beliau berkata, beberapa pihak termasuk Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) Sabah banyak menyumbang terhadap pembangunan budaya dan pendidikan di Sabah.

Cyril yang berasal dari Tambunan, berkata, dalam gambaran lebih besar, kolej itu menunjukkan sejauh mana serius kerajaan negeri dan persekutuan dalam merealisasikan aspirasi konsep 1Malaysia ‘Rakyat

Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ yang diperjuangkan Perdana Menteri.

Seorang pensyarah bahasa Kadazandusun di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Henry Bating, berkata kolej itu sekurang-kurangnya perlu diberi taraf kolej-universiti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi bersama satu fakulti atau akademi khusus bagi kajian Kadazandusun.

“Saya percaya fakulti seperti itu sangat relevan memandangkan tiada lagi fakulti khusus bagi kajian Borneo buat masa kini,” katanya.

Presiden Persatuan Kebajikan dan Kebudayaan Anak Negeri Sabah (PANAS), Samson Quintin, berkata persatuan memuji Siou, semua rakan seperjuangan di KDCA dan mereka yang memberi pandangan dan galakan bagi kolej itu.

“Pendidikan adalah kunci kejayaan dan sangat penting bagi masyarakat itu meningkatkan status dan membasmi buta huruf.

“Saya berharap kolej itu akan dinaik taraf kepada universiti pada masa depan. Ini tempatnya bagi masyarakat untuk memperbaiki kedudukan mereka, memandangkan mereka ketinggalan dalam bidang pengurusan, kejuruteraan, keusahawanan dan ekonomi,” katanya.

Secara ringkas, Kolej Komuniti Kadazandusun Murut adalah pengiktirafan kerajaan kepada masyarakat itu di samping pencapaian penting dalam kemajuan mereka. — BERNAMA